

GASB Didenda RM30,000 Jalankan Kerja Tanah Di Bukit Relau Tanpa Kebenaran Bernama
11 Julai, 2013

GEORGE TOWN, 11 Julai (Bernama) -- Syarikat pemaju perumahan General Accomplishment Sdn Bhd (GASB) didenda RM30,000 oleh Mahkamah Sesyen hari ini kerana menjalankan kerja tanah di Bukit Relau di sini tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Hakim Khairul Anuar Abdul Halim membuat keputusan itu setelah Pengurus Besar GASB Rohana Shariff mengaku bersalah dan mahkamah turut memerintahkan hukuman penjara tiga tahun jika GASB gagal membayar denda berkenaan.

Khairul Anuar berkata hukuman itu diputuskan selepas mengambil kira kepentingan awam serta faktor alam sekitar dan kesan ekosistem akibat aktiviti penebangan pokok di sekitar bukit berkenaan.

GASB didakwa menjalankan kerja tanah di lot 11396, Mukim 13 di sekitar Pulau Relau antara 24 April dan 8 Mei lepas, tanpa kebenaran bertulis MPPP.

Syarikat itu didakwa mengikut Seksyen 70A (1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, dan dihukum di bawah Seksyen 70A (9) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda tidak lebih RM50,000 atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Nur Asyikin Mokhtar manakala GASB diwakili peguam Ang Chun Pun.

Awal Jun lepas, MPPP mendedahkan identiti pemilik tanah di sekitar Bukit Relau selepas akhbar tempatan melaporkan berlaku pergerakan bumi di lereng bukit melebihi 250 kaki di atas aras laut akibat aktiviti penebangan pokok di cerun yang melebihi 25 darjah kecerunan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=962525>